

**By : YANG AMAT BERHORMAT TAN SRI DATO' HJ MUHYIDDIN HJ
MOHD YASSIN**

DEPUTY PRIME MINISTER MALAYSIA

Venue : Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen Malaysia

Date : 26/06/2013

**Title : MAJLIS PENYERAHAN JALUR GEMILANG KONTINJEN
MALAYSIA KE SUKAN UNIVERSITI DUNIA (UNIVERSIADE) 2013**

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

YB Dato' Seri Idris Jusoh
Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan

YB Encik Khairy Jamaluddin
Menteri Belia dan Sukan
Kementerian Belia dan Sukan

YB Datuk Mary Yap Kain Ching
Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan

YB P. Kamalanathan P. Panchanathan
Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan

YBhg Datuk Dr. Madinah Mohamad
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr Zaini Ujang
Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan

YBhg. Datuk Prof. Madya Dr Kasim Hj. Md. Mansur
Ketua Kontingen Malaysia ke UNIVERSIADE 2013

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian

Pegawai Majlis Sukan Negara

Pegawai Institut Sukan Negara

Wakil-wakil Persatuan Sukan Kebangsaan

Para Atlet

Rakan media

Dif-dif jemputan, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari dan hadirin yang saya hormati.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah kurnia dan izin-NYA, kita dapat bersama-sama berkumpul sempena Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) 2013 yang akan berlangsung di Kazan, Rusia dari 6-17 Julai 2013. Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam majlis ini.

Komitmen Kementerian

Kementerian Pendidikan amat komited dengan usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan Negara termasuklah dalam melahirkan atlet bertaraf antarabangsa. Atas maksud ini, Kementerian akan memberi sokongan penuh kepada program-program mengantarabangsakan atlit di IPT melalui penyertaan ke kejohanan bertaraf antarabangsa seperti Sukan Universiti ASEAN (AUG), World University Championship (WUC) dan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE). Penyertaan ke kejohanan seperti ini dilihat sebagai satu medium yang sangat penting dalam melahirkan lebih ramai "The Thinking Athlete(s)" seperti yang telah kita maktubkan dalam Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (DPSIPT).

Penyertaan ke-UNIVERSIADE 2013

Penyertaan Malaysia ke UNIVERSIADE merupakan salah satu agenda penting dalam menyerlahkan prestasi atlet Negara khususnya yang berada di IPT. Kejohanan yang melibatkan lebih 200 negara di dunia ini merupakan medan yang sangat kompetitif untuk meningkatkan tahap pencapaian dan kebersaingan atlet kita. Saya difahamkan, untuk kejohanan kali ke-27 ini, kita akan mengambil bahagian dalam 14 daripada 27 acara sukan yang dipertandingkan. Kontinjen yang akan diketuai oleh YBr. Datuk Prof. Madya Dr Kasim Hj. Md. Mansur ini akan melibatkan seramai 179 orang yang terdiri daripada 121 orang atlet dan 58 orang pegawai.

Harapan Kementerian

Kementerian seterusnya amat berharap agar kontinjen yang akan menyertai kejohanan ini memperolehi pencapaian yang cemerlang selaras dengan sasaran yang telah ditetapkan iaitu memperoleh pingat EMAS pertama atau memperbaiki pencapaian UNIVERSIADE Shenzen 2011 iaitu dengan pungutan 1 Perak dan 2 Gangsa. Dengan pelbagai persiapan yang telah kita laksanakan seperti pemilihan atlit yang terbaik dan menyeluruh di IPT, pendedahan berterusan, kem kecemerlangan dan latihan pusat yang sedang berlangsung ketika ini, saya percaya sasaran ini bukanlah satu perkara yang mustahil untuk dicapai. Kerjasama yang erat dari pelbagai agensi lain terutamanya Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN) dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan diharap menjadi pendorong kuat kepada kita untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Kepada semua pengurus pasukan, dipohon agar dapat memastikan setiap atlet di bawah seliaan anda dapat bertanding dalam keadaan fizikal dan mental yang terbaik untuk mencapai sasaran kita dengan jayanya. Kita harus cemerlang dalam sukan-sukan yang telah diletakkan sebagai prospek untuk meraih pingat Emas pertama dan lain-lain pingat seperti Hoki Lelaki, menembak dan akuatik (terjun). Bagi sukan-sukan lain, kecemerlangan itu boleh dicipta sekiranya kita bersungguh-sungguh dan berusaha dengan penuh komitmen.

Kepada semua atlet yang bakal berjuang, saya ingin menyeru agar anda semua dapat mempamerkan semangat juang yang tinggi untuk mengharumkan nama IPT, Kementerian dan Negara. Saya percaya UNIVERSIADE mampu memberikan anda satu cabaran yang hebat dan bertaraf dunia dalam mempertingkatkan keupayaan dan pencapaian anda. Bagi pihak Kementerian, kita juga akan melihat UNIVERSIADE sebagai satu landasan untuk membawa sukan IPT ke satu tahap yang lebih tinggi.

Akhir sekali, di kesempatan ini, saya bagi pihak KPM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada anda semua pihak yang terlibat dalam menyediakan kontinjen terbaik ke UNIVERSIADE 2013 pada kali ini. Semoga para atlet sentiasa mempamerkan daya juang dan semangat kesukanan yang tinggi bagi memastikan jalur gemilang terus berkibar di gelanggang-gelanggang kejohanan ini nanti. Saya secara peribadi dan semua warga IPT serta rakyat Malaysia sentiasa menyokong perjuangan anda untuk membawa kemenangan yang membanggakan untuk Malaysia.

Akhirnya, diharapkan juga usaha-usaha kita ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi kelangsungan kecemerlangan sukan Negara. Dengan kata-kata selamat berjuang dan selamat maju jaya, saya dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim melancarkan Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) 2013.

Sekian, terima kasih.

Wabillāhi al-taufīq wa al-hidāyah wa al-salāmu'alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh.